

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [ KAPAR ]**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 3**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status dan jumlah terkini dalam pembelaan pekerja yang diberhentikan kerja tetapi tidak dibayar pampasan seperti kes Megasteel, Perwaja dan lain-lain.

PR-1423-L05980

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berdasarkan rekod statistik Jabatan, pihak Mahkamah Perusahaan (MP) telah menerima rujukan kes pembuangan kerja tidak adil melibatkan seramai 895 orang Yang Menuntut bagi syarikat Perwaja Steel dari tahun 2018 hingga 25 September 2019. Kesemua kes tersebut telah selesai dan sebanyak 721 kes telah diselesaikan melalui Award sama setuju.

### **SOALAN NO: 3**

2. Mahkamah Perusahaan (MP) juga telah menerima rujukan 88 kes pembuangan kerja tidak adil oleh syarikat Megasteel dari tahun 2016 hingga 25 September 2019. Untuk makluman, kes melibatkan Megasteel mempunyai Perintah Halangan dari Mahkamah Tinggi berkuatkuasa sehingga 21 September 2019. Daripada 88 kes yang dirujuk, sebanyak 45 kes telah diselesaikan melalui Award pembatalan dengan kebebasan untuk memfailkan semula dalam tempoh 6 bulan dari tarikh Award (Award diturunkan pada 1 Julai 2019). Bagi baki 43 kes yang belum diselesaikan, Mahkamah Perusahaan telah menerima permohonan penangguhan bicara yang telah ditetapkan pada 16 hingga 18 Oktober 2019 oleh pihak syarikat bagi tujuan penyelesaian. Satu sebutan telah ditetapkan pada 5 November 2019 untuk tetapkan tarikh bicara yang baharu.